



PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 1/2021

PENANGGUHAN KEMASUKAN SEMULA PELAJAR SERTA PENETAPAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 1/2021 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan **Penangguhan Kemasukan Semula Pelajar Serta Penetapan Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021.

2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan PKP seluruh negara bermula 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021.
- 2.2 Mengambil kira situasi semasa berkaitan peningkatan kes COVID-19 dalam negara, adalah dimaklumkan bahawa **kemasukan semula pelajar UTHM, melibatkan pelajar yang akan pulang ke Kampus Induk dan Kampus-Kampus Cawangan adalah ditangguhkan** sehingga 7 Jun 2021 atau tertakluk kepada sebarang pengumuman oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 2.3 Sesi PdP akan dijalankan secara atas talian sepenuhnya bagi semua peringkat pengajian sepanjang tempoh PKP. Pengecualian diberikan kepada pelajar penyelidikan yang sangat berkeperluan menggunakan fasiliti makmal / bengkel / studio secara individu sahaja dan tidak berkumpulan.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19 bagi memutuskan rantaian penularan jangkitan dan sentiasa berada di bawah perlindungan Allah SWT. Semoga kita semua sentiasa terus cecal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara dan memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Yang benar,



YBHG. PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
18 Mei 2021